

08 JUN 2002

Siva-Guru

KPPK MAHU CALON KOMITED SAHAJA DITERIMA MASUK MAKTAB

KUALA TERENGGANU, 8 Jun (Bernama) -- Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) mencadangkan supaya hanya calon guru pelatih yang komited sahaja diterima memasuki Maktab Perguruan di negara ini.

Setiausaha Agung KPPK Datuk N Siva Subramaniam berkata langkah itu perlu berikutan perubahan dalam sistem pendidikan negara yang memerlukan guru mempunyai komitmen dan semangat yang tinggi dalam menjalankan tugas mereka.

Katanya pandangan memasuki maktab perguruan hanya untuk mendapat pekerjaan tetap tanpa mempunyai komitmen sebagai pendidik wajar diketepikan jika mahu melihat sektor pendidikan negara terus cemerlang.

"Kami juga mencadangkan agar guru pelatih diberikan tempoh lebih lama ketika menjalankan latihan praktikal di sekolah iaitu sehingga setahun agar mereka dapat membiasakan diri dengan dunia pendidik yang sebenar.

"Ini adalah langkah terbaik untuk melihat mutu pendidikan negara berubah ke arah yang lebih baik dan percaya ia mampu memberi sumbangan yang besar dalam melahirkan pelajar cemerlang," katanya selepas perasmian mesyuarat agung KPPK Terengganu di sini hari ini.

Ketua Pergerakan Pemuda Umno Terengganu, Din Adam merasmikan mesyuarat agung itu.

Siva juga meminta golongan pendidik mengubah sikap dalam menghadapi perubahan semasa supaya mereka dapat memainkan peranan yang lebih berkesan ke arah meningkatkan mutu pendidikan negara.

Menurutnya ini tidak bermakna bahawa mereka sekarang tidak berada pada tahap yang terbaik tetapi perubahan itu tetap perlu dengan meningkatkan produktiviti kerja kerana zaman sudah berubah.

"Dalam pada KPPK dan Cuepacs sendiri membela nasib guru, mereka juga mesti melakukan perubahan itu demi masa depan mereka apatah lagi apabila skim baru Skim Saraan Baru (SSB) diperkenalkan yang mengambil kira kualiti kerja mereka," katanya.

Sementara itu, Pergerakan Pemuda Umno Terengganu akan meneruskan penubuhan program Tuisyen Emas yang akan diperluaskan ke semua daerah di negeri ini mulai bulan depan, kata Din.

Menurutnya melalui program Tuisyen Emas iut, semua pelajar akan didik oleh tenaga pengajar bertauliah secara percuma.

Sementara itu, Siva yang juga presiden Cuepacs berbangga dengan hasil pertemuan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dengan Ketua Gereja Katolik, Pope John Pole II di Vatican City semalam.

Beliau berkata pertemuan itu jelas menjadi bukti bahawa Malaysia telah diterima sebagai wakil umat Islam dunia dan mereka yang cintakan keamanan mengenai pelbagai isu sejagat.

"Rakyat Malaysia walau apa pun pandangan politik, mereka seharusnya merasa bangga di atas pertemuan itu kerana ia bukanlah sesuatu yang mudah untuk sesiapa saja menemui Pope apatah lagi menerima jemputannya.

"Ini adalah bukti Malaysia mampu menjadi pejuang kepada isu-isu keamanan antarabangsa, khususnya Palestin dan pertemuan itu jelas membawa kejayaan kepada hasrat tersebut," katanya.

-- BERNAMA

AYB MRA LAT